



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN INDUSTRI MAKANAN TERUS DIBENAR BEROPERASI, KATA MENTERI, OH SEMPUT -ONLINE AGRICULTURE SECTORS TO CONTINUE OPERATING THROUGHOUT NATIONAL RECOVERY PHASES, THE EDGE MARKET -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6.	225,000KG INFESTED DRIED COCONUTS SEIZED AT PORT, NEWS IN BRIEF, NST -14 STATUS HALAL DIRAGUI, 27,998KG DAGING KERBAU DIRAMPAS, NEGERI PERAK/SELANGOR/KL/P.PINANG, SH -26 SERANGGA PEROSAK DALAM 16 KONTENA, LOKAL, HM -18 MAQIS SITA HAMPIR 28 TAN DAGING KERBAU SEJUK BEKU, NASIONAL, BH -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8. 9. 10. 11.	INDUSTRI SARANG BURUNG WALET PENYUMBANG BESAR EKONOMI NEGARA, UM -ONLINE EKSPORT PRODUK SARANG BURUNG WALET CECAH RM714 JUTA HINGGA APRIL, DAGANG NEWS -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE TAKTIK SELUDUP 28 LEMBU AWAL PAGI GAGAL, NASIONAL, BH -21 KELAPA KERING ADA SERANGGA PEROSAK DITAHAN MAQIS, DALAM NEGERI, UM -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
12. 13.	FAMA BANTU PASARKAN PISANG BERANGAN TIDAK LAKU DI KEDAH, NEGARA, KOSMO -14 FAMA BANTU SAHABAT PASARKAN PISANG BERANGAN, DALAM NEGERI, UM -27	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15. 16. 17. 18.	PASANG PAGAR ELEKTRIK ELAK SERANGAN GAJAH DALAM KEBUN BUAH, NEGARA, KOSMO -12 TAK SEMPAT JUAL 28 EKOR LEMBU KORBAN, NEGARA, KOSMO -12 BERI DURIAN PERCUMA UNTUK YANG TIADA DUIT, NEGARA, KOSMO -12 PETANI SEDEKAH HASIL TANAMAN, DALAM NEGERI, UM -25 COVID-19: PESARA TENTERA TABUR BAKTI DALAM PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	OH SEMPUT	ONLINE	

Sektor pertanian, penternakan dan industri makanan terus dibenar beroperasi, kata menteri



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dr Ronald Kiandee berkata pihaknya akan memastikan sektor pertanian, penternakan, perikanan dan industri dibuka bagi menjamin kelangsungan rantaian ekonomi serta pengusaha yang terlibat. – Gambar fail The Malaysian Insight, 24 Jun, 2021.

SEKTOR pertanian, penternakan, perikanan serta industri makanan akan terus dibenarkan beroperasi selaras prosedur operasi standard Majlis Keselamatan

Negara dalam Fasa Dua, Tiga dan Empat Pelan Pemulihan Negara

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dr Ronald Kiandee berkata pihaknya akan memastikan sektor-sektor ini untuk terus beroperasi tanpa sebarang gangguan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan bagi menjamin kelangsungan rantaian ekonomi serta pengusaha yang terlibat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

Agriculture sectors to continue operating throughout national recovery phases



KUALA LUMPUR (June 24): The agriculture sectors involving crops, livestock, fisheries and food industries will continue to operate following the standard operating procedures of the National Security Council throughout Phases Two, Three and Four of the National Recovery Plan.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said he will ensure that these sectors continue to operate without any disruption during the Movement Control Order to ensure the continuity of the economic chain and the operators involved.

In a statement today, he said, until yesterday, the Ministry had issued a total of 105,869 letters of permission for involvement in the agriculture sector, including supply chain and marketing activities related to food needs.

Earlier, he inspected the operations at PT Swift Marketing Sdn Bhd's swiftlet bird nest processing plant to ensure that its operations for the export market were not disrupted and continued at all times.

On the country's swiftlet bird nest industry, Ronald said until last April, the industry's total exports reached 962 tonnes with a value of RM714 million, indicating that exports of this commodity remained strong, especially at a time when the country was still facing the Covid-19 pandemic.

Last year, its total exports were 3,640 tonnes worth RM1.385 billion and the previous year it was 5,654 tonnes worth RM1.154 billion, he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	NST	NEWS IN BRIEF	14

225,000kg infested dried coconuts seized at port

JOHOR BARU: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) stopped an attempt to bring in insect-infested dried coconuts on Tuesday. Johor Maqis director Hizzuan Hasim said the department detained 16 containers carrying the dried coconuts that were brought in from Papua New Guinea at the Pasir Gudang Port. "Following a routine inspection on containers, we found insects, believed to be *necrobia rufipes* (red-legged ham beetle) on the dried coconuts. We also found that the permit reference number did not match with the phytosanitation certificate that was submitted." He said the coconuts, weighing 225,000kg and valued at RM778,500, were seized.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ SELANGOR/KL/ P.PINANG	26



Penguat kuasa Maqis Pulau Pinang sedang memeriksa 1,449 kotak daging kerbau yang dirampas di NBCT, Butterworth pada Selasa lalu.

Status halal diragui, 27,998 kg daging kerbau dirampas

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 1,449 kotak daging kerbau sejuk beku dari India pada Selasa lalu.

Pengarahnya, Noriah Dahlan berkata, kesemua produk ruminan itu dirampas di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada jam 5.45 petang.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan dagangan ter-

sebut menggunakan maklumat yang mengelirukan.

"Ketika pemeriksaan dilakukan, kita merampas 27,998 kilogram daging kerbau sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM427,691."

Rampasan dibuat selepas mendapati maklumat pada sijil halal yang dikeluarkan dari negara pengeksport adalah tidak tepat dan berbeza dengan maklumat perlabelan pada bungkusan dagangan yang diimport," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan."

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

25/6/2021

HARIAN METRO

LOKAL

18

KELAPA KERING RM778,500 DIRAMPAS

Serangga perosak dalam 16 kontena

Pasir Gudang: Sebanyak 225 tan kelapa kering yang cuba dibawa masuk dari Papua New Guinea dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang di sini, Selasa lalu susulan penemuan serangga perosak.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Hizman Hasim berkata, kelapa kering terbit ditubuh menggunakan 16 kontena dan dianggarkan bernilai RM778,500.

Katanya, hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh Pegawai Penguat Kuasa Maqis ke atas semua kontena berkepaan menemui serangga perosak yang disyaki daripada spesies *reprobia rufipes* pada kelapa kering berkenaan.

"Pihak kami juga mendapati nombor rujukan permit tidak dicatatkan pada siji filetosantasi yang dikemukakan.

"Ejen penghantaran diambil keterangan dan dilepaskan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, les disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana mengimport produk pertanian yang dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar.

Menurut Hizman, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda, tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Manakala bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya



ANGGOTA Maqis memeriksa 225 tan kelapa kering dari Papua New Guinea di Pelabuhan Pasir Gudang.

didenda tidak melebihi RM150,000 atau di penjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

"Semua pengimport dan pengeksport dihasihi sen-

laysia," katanya.

225 tan

Jumlah kelapa kering yang dibawa masuk dan dirampas.

MAQIS sita hampir 28 tan daging kerbau sejuk beku

Maklumat sijil halal dikeluarkan dari India tidak sama pada bungkus

Oleh Nur Izzati Mohamed dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Maklumat pada sijil halal yang mengelirukan menyebabkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas hampir 28 tan daging kerbau sejuk beku ketika mengadakan pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, Selasa lalu.

Dalam pemeriksaan pada jam 5.45 petang itu, sepasukan anggota MAQIS memeriksa sebuah kontena yang membawa daging kerbau sejuk beku dari India.

Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Noriah Dahlan, berkata maklumat pada sijil halal yang diketuarkan dari negara pe-



Daging kerbau sejuk beku dari India yang dirampas MAQIS Pulau Pinang di Terminal Kontena Butterworth Utara. (Foto ihsan MAQIS)

ngeksport adalah tidak tepat dan berbeza dengan maklumat label pada bungkusannya.

"Berikutan maklumat yang mengelirukan, kita merampas 1,449 kotak daging kerbau sejuk beku seberat 27,988 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM427,691.57 untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Di Pasir Gudang, sebanyak 225 tan kelapa kering bernilai RM778,500 dari Papua New Guinea dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini Selasa lalu kerana disyaki mempunyai serangga perosak.

Pengarah MAQIS Johor, Hizuan Hasim, berkata kelapa kering dibawa menggunakan 16 kontena.

"Hasil pemeriksaan rutin Pegawai Penguat Kuasa MAQIS ke atas kesemua kontena menemui kan serangga perosak yang disya-

ki dari spesies *necrobia rufipes* pada kelapa kering berkenaan.

"Phak kami juga mendapati nombor rujukan permit tidak dicatatkan pada sijil fitosanitasi yang dikemukakan.

"Ejen penghantaran diambil keterangan dan dilepaskan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana mengimport produk pertanian yang dipercaiyai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar.

Hizzuan berkata jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau di penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

"Semua pengimport dan pengeksport dinasihati sentiasa mengikut peraturan ditetapkan kerajaan supaya kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Industri sarang burung walet penyumbang besar ekonomi negara



PADA 2019, jumlah eksport industri sarang burung walet adalah sebanyak 5,654 tan metrik dengan nilai RM1.154 bilion manakala pada tahun lalu, jumlah eksport adalah sebanyak 3,640 tan metrik dan bernilai RM1.385 billion.

PETALING JAYA: Industri sarang burung walet merupakan sektor berasaskan ternakan adalah antara penyumbang besar ekonomi negara apabila nilai eksport mencecah

962 tan metrik dengan jumlah RM714 juta sehingga April lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, perkara itu menunjukkan eksport komoditi itu terus kekal kukuh walaupun ketika saat negara masih mengharungi penularan pandemik Covid-19.

“Pada 2019, jumlah eksport industri ini adalah sebanyak 5,654 tan metrik dengan nilai RM1.154 bilion manakala pada tahun lalu, jumlah eksport adalah sebanyak 3,640 tan metrik dan bernilai RM1.385 billion.

“Oleh demikian pihak kementerian sentiasa menggalakkan pengeksporan produk-produk sarang burung walet ke luar negara bagi meningkatkan nilai eksport produk dan daya saing industri ini secara keseluruhannya,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, Kiandee melakukan tinjauan operasi di loji pemprosesan sarang burung walet PT Swift Marketing Sdn. Bhd. dekat sini bagi memastikan operasi yang terlibat dalam pasaran eksport tidak terganggu dan berterusan sepanjang masa.

Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar memaklumkan sektor pertanian, penternakan, perikanan serta industri makanan terus dibenarkan beroperasi selaras dengan SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan fasa dua, tiga dan empat Pelan Pemulihan Negara.

Ia sejajar hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk memastikan operasi sektor tersebut tidak mengalami sebarang gangguan bagi menjamin kelangsungan rantaian ekonomi negara.

“Sehingga semalam, pihak kementerian melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah mengeluarkan sebanyak 105,869 surat kebenaran yang terlibat di dalam sektor pertanian tidak formal termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	DAGANG NEWS	ONLINE	

Eksport produk sarang burung walet cecah RM714 juta hingga April



KUALA LUMPUR 25 Jun - Eksport produk sarang burung walet ke luar negara terus kukuh apabila berjaya mencatatkan RM714 juta dengan kapasiti 962 tan metrik bagi tempoh hingga April 2021.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, prestasi berkenaan kekal kukuh terutamanya ketika negara masih mengharungi penularan pandemik COVID-19.



"MAFI sentiasa menggalakkan pengeksporan produk-produk sarang burung walet ke luar negara bagi meningkatkan nilai eksport produk dan daya saing industri ini secara keseluruhannya.

"Pada tahun 2019, jumlah eksport adalah sebanyak 5,654 tan metrik bernilai RM1.154 billion dan dilihat sebagai antara industri berasaskan ternakan yang menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara.

"Manakala pada tahun 2020, jumlah eksport adalah sebanyak 3,640 tan metrik bernilai RM1.385 billion," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau operasi di loji pemprosesan sarang burung walet PT Swift Marketing Sdn. Bhd. bagi memastikan operasi loji yang terlibat dalam pasaran eksport tidak terganggu dan berterusan sepanjang masa.

Bagi memenuhi protokol eksport sarang burung walet ke negara China, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengakreditasi dan memberi pentauliah persijilan Veterinary Health Mark (VHM) kepada 30 loji pemprosesan, sementara persijilan Good Veterinary Hygiene Practice (GVHP) melibatkan sebanyak 44 loji pemprosesan.



Sebanyak 2,905 buah rumah burung walet telah berjaya mempunyai persijilan MyGAP.

Beliau memberitahu, MAFI melalui DVS sebelum ini juga berjaya mewujudkan satu Program Sistem Pendaftaran Premis Walet yang dikenali sebagai METS (Malaysia EBN Traceability System) bagi mengukuhkan sistem daya jejak bagi mencapai piawaian global serta menjadi salah satu syarat dalam pengeksportan sarang burung walet Malaysia ke negara China.

DVS mengambil pelbagai langkah untuk terus meningkatkan pengeluaran Edible Bird Nest (EBN) melibatkan aktiviti dalam semua rantaian nilai dalam industri EBN iaitu pengeluaran sarang burung walet, pengumpulan, pemrosesan dan pemasaran.

"Ini termasuk mengalakkan pendaftaran premis walet dengan DVS bagi tujuan pemantauan.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 12,954 premis walet telah didaftarkan oleh DVS di seluruh negara setakat ini," katanya lagi. - *DagangNews.com*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

不受疫情影响 大马燕窝出口势头强劲

即时国内

+ 关注

广告



(吉隆坡24日讯) 农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪表示，尽管我国仍处在冠病疫情期间，但我国燕窝的出口势头仍然强劲，其中截至今年4月的出口量达到了962公吨，总值达7.14 亿令吉。

他说：“我国在2019年的燕窝总出口量为5654公吨，价值达11.54亿令吉，被视为对我国经济做出主要贡献的畜牧业之一；而在2020年燕窝的总出口量则为3640公吨，价值达到13.85亿令吉。”

“而截至今年4月为止，我国燕窝的出口量为962公吨，价值达7.14 亿令吉，这表明该商品的出口势头仍然强劲，特别是在我国仍在经历疫情期间。”

他今天前往正典燕窝有限公司 (PT Swift Marketing Sdn Bhd) 进行工作访问，视察该公司旗下工厂的运作以确保该涉及出口市场的工厂能在不受干扰的情况下持续运作后，发出文告时这么表示。

该工厂是其中一间已向中国海关总署 (GACC) 注册，获准出口净燕到中国的工厂。

对此，罗纳建迪表示，农业及食品工业部一直鼓励燕窝产品的出口，以增加该产品的出口价值和整个行业的竞争力。

他披露，截至2021年，我国已有多达41间燕窝加工厂——其中包括38间净燕 (EBN-RC) 工厂和3间毛燕 (EBN-RUC) 工厂，获得中国有关当局的批准。

他也指出，为了履行向中国出口燕窝的协议，兽医服务局 (DVS) 已对30家燕窝加工厂进行了产品卫生标签 (VHM) 认证，以及对44家燕窝加工厂进行了良好兽医卫生规范 (GVHP) 认证。

此外，共有2905间燕屋成功获得了大马良好农业规范 (MyGAP) 的认证。

罗纳建迪也表示，农业及食品工业部此前还通过兽医服务局，成功创建了名为 METS (大马食用燕窝追溯系统) 的燕窝场所注册系统计划，以加强追溯系统以达到全球标准，并作为我国向中国出口燕窝的条件之一。

截至目前，全国共有1万2954家燕屋已经向兽医服务局注册。

另一方面，罗纳建迪表示，农业、畜牧业、渔业和食品工业将获准在国家复苏计划的第二、第三和第四阶段中，在按照国家安全理事会制定的标准作业程序 (SOP) 下继续营运。

广告

文章来源：星洲日报

作者：

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

丹大臣：更有序管理农产品 探讨罗京高原设收集中心

东海岸

+ 关注

广告



阿末耶谷（右三）移交560份粮食袋给前线人员，以派发给华卡峇鲁古丹登雅区的居民。右二为仄阿都拉。

（道北23日讯）吉兰丹州务大臣拿督阿末耶谷，政府将探讨在话望生的罗京高原设立农产品收集中心。

他说，这项提议是为了更有序的管理罗京高原的农产品及废弃处理的问题，相关设施将为罗京蔬菜和花卉土著协会的农民提供便利。

“不过，具体落实方案和细节有待进一步探讨，其中包括地点的选定。”

此前，位于金马仑甘榜拉惹的农产品收集中心因落实加强行管令，导致农业活动停摆，来自当地的蔬菜供应受到影响。

阿末耶谷前往华卡峇鲁落实加强行管令的古丹登雅区巡视时，向媒体这么表示。同行者包括农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉。

媒体日前报道，甘榜拉惹作为蔬菜分销枢纽，自从落实加强行管令，丹州罗京高原200名菜商及花商顿时无处分销，每天白白丢弃150公吨蔬菜，菜农无奈承受15万到30万令吉的亏损，人们的主要粮食统统沦为垃圾。

带入内阁讨论

对此，阿末耶谷表示，有关问题会交由国家安全理事会或国家天灾管理机构（NADMA）来协调及解决。由于疫情的原故，有关方面也会寻求州卫生局的意见。

较早时，大臣也移交560份粮食袋给华卡峇鲁古丹登雅区的居民，包括生鲜蔬菜、鸡肉和鱼类。

另一方面，仄阿都拉补充，农业及食品工业部会与州政府配合，协助受影响的农民。

他说，有关问题会带入内阁讨论。

广告

Taktik seludup 28 lembu awal pagi gagal

Pasir Mas: Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) merampas 28 ekor lembu bernilai RM282,240 yang dibawa masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan di Jalan Perumahan Prima Lubok Jong, di sini, awal pagi semalam.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA7, Superintendan Azhari Nusi, berkata anggota yang membuat rondaan terserempak sebuah lori Isuzu dalam keadaan mencurigakan, kira-kira jam 2 pagi.

"Anggota menahan lori berkenaan dan membuat pemeriksaan ke atas badan pemandu berusia 21 tahun, tetapi tidak menemui sebarang barangan yang salah.

"Pemeriksaan diteruskan ke atas lori terbabit dan menemui semua lembu berkenaan. Anggota meminta dokumen perjalanannya yang lengkap, namun pemandu gagal mengemukakan.

"Semua haiwan teranakan serta lori dirampas, manakala suspek dari Kampung Repek, di sini,



Anggota PGA7 merampas lori membawa lembu yang dipercayai diseludup dari Thailand di Jalan Perumahan Prima Lubok Jong, semalam. (Foto Ihsan PGA7)

ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) bagi siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azhari berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan kes itu turut diserahkan kepada Jabatan Veterinar Negeri Kelantan.

Katanya, pihaknya mengesan penyeludupan haiwan banyak dilakukan pada awal pagi atau tengah

malam kerana penyeludup beranggapan anggota tidak aktif pada waktu berkegiatan.

"Semua lembu ini biasanya dibawa masuk melalui Sungai Golok sebelum ditempatkan di lokasi transit dan apabila keadaan dilihat selamat daripada pengawasan pihak berkuasa, penyeludup akan memindahkan ke lori untuk dibawa ke lokasi ditetapkan," katanya.

FAMA bantu pasarkan pisang berangan tidak laku di Kedah

KUALA NERANG – Keluhan dua sahabat yang kerugian kerana tidak dapat memasarkan pisang berangan sejak Perintah Kawat-

lan Pergerakan (PKP) Penuh pada awal bulan ini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
Pengarah FAMA, Isa Hamzah berkata, pihaknya menawarkan kepada Mohd. Azlan Abdul Manaf dan Azmir Abd. Rahman

yang masing-masing berusia 37 tahun untuk menyertai program Ladang Kontrak.
"Kedua-dua mereka bersetuju untuk menyertai program ini dan FAMA akan membantu mereka memasarkan pisang berangan yang diusahakan.

"Kita akan bantu mereka mencari dan mengatur tempat untuk memasarkan hasil pertanian tersebut. Sebelum ini mereka

tidak menghubungi FAMA untuk kita bantu pasarkan tanaman berkenaan dan saya harap masalah dihadapi mereka selesai," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dalam pada itu, menurut Isa, FAMA menerusi Pusat Operasi Alor Setar dan Pejabat FAMA Daerah Pokok Sena dan Padang Terap telah mengatur kaedah pemasaran hasil pertanian tana-

man pisang seluas 11.58 hektar membabitkan lapan peserta berdaftar di bawah program Ladang Kontrak.

Kosmo! pada Selasa lalu melaporkan dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri di sini terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 apabila tidak dapat memasarkan tanaman pisang diusahakan mereka berikutan PKP Penuh.

Dua sahabat rugi pisang sukar dijual

KUALA NERANG - Dua sahabat dari Kedah yang mengalami kerugian kerana tidak dapat memasarkan pisang berangan sejak Perintah Kawatlan Pergerakan (PKP) Penuh pada awal bulan ini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
Pengarah FAMA, Isa Hamzah berkata, pihaknya menawarkan kepada Mohd. Azlan Abdul Manaf dan Azmir Abd. Rahman



SEBAHAGIAN kontena membawa kelapa kering yang mengandungi serangga perosak ditahan Magis di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor.

Kelapa kering ada serangga perosak ditahan Magis

PASIR GUDANG—Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magsis) menyekat kemasukan 16 buah kontena yang membawa kelapa kering dan Papua New Guinea kerana terdapat serangga perosak pada produk tersebut di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini.

Pengarah Magis Negeri Johor, Hizruan Hasim berkata, serangga perosak yang disyaki dari spesies *necrotibia rufipes* dikesan pada kelapa berkenaan hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan pada pukul 8 pagi, kelmarin oleh pegawai penguat kuasa ke atas kontena tersebut.

Katanya, pemeriksaan juga mendapati nombor rujukan permit tidak dicatatkan pada sijil fitosanitasi yang dikemukakan. "Kesemua kelapa kering sebanyak 25 tan yang dianggarakan bernilai RM778,500 berkenaan,

ditahan untuk tindakan lanjut. "Ejen penghantaran berusia 24 tahun yang membawa muatan itu telah diparah untuk merakamkan keterangan sebelum dilepaskan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kes akan disiasat di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport produk pertanian yang dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahar cemar.

Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tidak melebihi RM150,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya.

Dalam Negeri

FAMA bantu dua sahabat pasarkan pisang berangan

Oleh MOHD. RIFAAT
 irifaat@mediamula.com.my

KUALA NERANG—Keluhan dua sahabat yang kerugian kerana tidak dapat memasarkan pisang berangan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh pada awal bulan ini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
 Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, pihaknya menawarkan kepada Mohd. Azlan Abdul Manaf dan Azmir Abd. Rahman yang masing-masing berusia 37 tahun untuk menyer-

tai program Ladang Kontrak. "Kedua-dua mereka bersetuju untuk menyertai program ini dan FAMA akan membantu mereka memasarkan pisang berangan yang diusahakan.

"Kita akan bantu mereka mencari dan mengatur tempat untuk memasarkan hasil pertanian tersebut.

"Sebelum ini, mereka tidak menghubungi FAMA untuk kita bantu pasarkan tanaman berkenaan dan saya harap masalah dihadapi mereka selesai," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dalam pada itu, menurut Isa, FAMA menerusi Pusat Operasi Alor Setar dan Pejabat FAMA Daerah Pokok Sena dan Padang Terap telah mengatur kaedah pemasaran hasil pertanian tanaman pisang seluas 11.58 hektar membabitkan lapan peserta berdaftar di bawah program Ladang Kontrak.

Utusan Malaysia pada 22 Jun lalu melaporkan dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri di sini terpaksa menanggung kerugian hampir RM40,000 apabila tidak dapat memasarkan tanaman pisang diusahakan mereka berikutan PKP Penuh sejak awal bulan ini.



ISA HAMZAH

Tanggung rugi pisang tidak dapat dijual



UTUSAN Malaysia
 22 Jun 2021.

Pasang pagar elektrik elak serangan gajah dalam kebun buah



AZMAN melihat sebahagian kerosakan yang dilakukan gajah liar di kebun pisang RTB Kampung Ban Ho, Cherul, Kemaman semalam.

KEMAMAN – Pagar elektrik akan dipasang di kebun buah-buahan milik lebih 200 penduduk di Hulu Kemaman, dekat sini bagi mengatasi masalah serangan gajah liar yang telah membelenggu mereka sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, pemasangan pagar elektrik yang menelan belanja keseluruhan RM1.7 juta itu melibatkan kebun penduduk di Kampung Ban Ho, Cherul dan Kampung Air Putih dekat sini.

"Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan untuk membina pagar elektrik tersebut menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan projek berke-



KERATAN Kosmo semalam.

naan dijangka bermula pada tahun hadapan.

"Pada masa ini, kita berada dalam fasa untuk menentukan jajaran bagi pemasangan pagar elektrik berkenaan," katanya ketika meninjau kerosakan akibat serangan gajah liar di Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) Kampung Ban Ho dekat sini semalam.

Kosmo semalam melaporkan 151 peserta RTB Kampung Ban

Ho bimbang selepas kebun buah mereka kerap diceroboh sekumpulan gajah sejak sebulan lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Azman memberitahu, pekebun RTB yang terlibat akan menerima bantuan awal yang akan disalurkan menerusi Tabung Bencana Pertanian Terengganu.

Ujar beliau, bantuan tersebut diharapkan dapat meringankan beban pekebun tersebut yang mengalami kerugian sekali gus meningkatkan semula motivasi mereka untuk terus gigit bertani. "Kita telah salurkan RM280,977 kepada 368 pekebun, penternak dan nelayan Terengganu yang terjejas akibat musibah sejak awal tahun ini menerusi Tabung Bencana Pertanian Terengganu," katanya.

PGA tahan lelaki bawa lori penuh lembu

Tak sempat jual 28 ekor lembu korban

Oleh YATIMIN ABDULLAH

PASIR MAS – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 menahan seorang lelaki dan merampas sebanyak 28 ekor lembu yang dipercayai diseludup di dalam muatan lori dipandunya di Jalan Perumahan Prima Lubok Jong di sini semalam.

Lelaki berusia 21 tahun itu ditahan pada pukul 2 pagi selepas membawa lembu bernilai RM282,240 dipercayai untuk dijual di negara ini selain merupakan haiwan sembelihan menje-

lang Hari Raya Aidiladha nanti.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendent Azhari Nusi berkata, sepasukan anggota telah melihat lori berkenaan dipandu dalam keadaan mencurigakan semasa melakukan rondaan rutin di kawasan itu.

Menurutnya, anggota PGA terus melakukan pemeriksaan di bahagian muatan lori itu sebelum menemui sebanyak 28 ekor lembu yang dipercayai diseludup dari negara jiran.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, pemandu lori itu gagal

mememukakan sebarang dokumen perjalanan yang lengkap berkaitan dengan urusan untuk membawa haiwan-haiwan berkenaan.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk lori yang dipandu suspek dianggarkan berjumlah RM402,240," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujarnya, suspek dan lembu-lembu itu dibawa ke kes Balai Polis Pasir Mas.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.



ORANG ramal memilih durian yang dijual Azizon di Jalan Tanjung Lumpur-Kempadang di Kuantan semalam.

Beri durian percuma untuk yang tiada duit

KUANTAN – Jika ada yang teringin nak makan durian tapi tidak mampu, datang dan bagi tahu, saya ikhlas sedekahkan sebiji dua untuk mereka," kata seorang peniaga durian, Azizon Awang, 45, ketika ditemui di gerai durianya di Jalan Tanjung Lumpur-Kempadang di sini semalam.

Dia yang sudah berniaga raja buah itu sejak kira-kira 10 tahun lalu, mengakui wabak Covid-19 sangat memberi kesan kepada ramai orang termasuk peniaga kecil-kecilan sepertinya.

Justeru katanya, dia berasa simpati kepada orang ramal yang terjejas teruk sehingga terputus sumber pendapatan dalam keadaan negara masih berhadapan dengan pandemik Covid-19.

"Sekurang-kurangnya saya masih ada sedikit modal teruskan berniaga. Saya tahu ramai yang hilang sumber pendapatan, kerja dan berdepan tekanan dari segi kewangan sejak pandemik dikesan.

"Tidak mengapalah, kalau

ada yang memang tidak mampu dan rasa nak makan durian, datang jumpa saya, saya sedekah untuk mereka," katanya.

Azizon yang memulakan perniagaan pada pukul 3 petang hingga 7 malam setiap hari memberitahu, pada masa ini bekalan durian diperolehinya daripada pembekal di Segamat, Johor.

Katanya, jualan durian pelbagai jenis seperti Musang King, IOI dan durian kampung yang dijualnya pada harga berpatutan mendapat sambutan yang baik walaupun dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bekalan durian biasanya sampai sekitar pukul 2 petang, jadi saya mula menjual pukul 3 petang dan boleh dikatakan sebelum pukul 7 petang semuanya sudah habis," katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Azri Zainal, 40, berkata, tindakan Azizon menawarkan durian percuma kepada mereka yang tidak mampu, patut mendapat pujian dan dihormati peniaga lain.



SEBANYAK 28 ekor lembu dirampas PGA di dalam sebuah lori di Jalan Perumahan Prima Lubok Jong, Pasir Mas semalam. – IHSAN PGA



MOHD. Dahlan Hassan menunjukkan longgokan timun ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Tenai, Tampin, semalam. - UTUSAN/NORAINNA HAMZAH

Petani sedekah hasil tanaman

Oleh **NORAINNA HAMZAH**
utusannews@medianulla.com.my

TAMPIN: Ekoran tidak dapat memasarkan hasil pertanian berikutan kurangnya permintaan dalam tempoh sekatan pergerakan penuh, seorang usahawan tani mengambil keputusan menyumbangkan secara percuma hasil tanamannya kepada golongan memerlukan.

Mohd. Dahlan Hassan, 45, dari Kampung Tenai dekat sini memberitahu, dia berbuat demikian supaya hasil tanamannya bermanfaat selain daripada membiarkannya rosak begitu sahaja.

Tambahnya, sumbangan hasil pertanian itu turut dilakukan oleh beberapa usahawan tani yang lain.

"Sejak Perintah Kawalan Pergerakan tahun lalu lagi saya sudah mula menggerakkan usaha ini. Kami juga membeli secara pukal hasil tanaman petani lain yang tidak dapat dipasarkan dan kemudiannya kami sedekahkan kepada individu memerlukan.

"Rata-rata usahawan tani berhadapan dengan masalah untuk memasarkan hasil tanaman disebabkan pasar tani dan pasar malam ditutup manakala kedai makanan pula tidak beroperasi sepenuhnya. Sayur sawi, maman dan kangkung tidak boleh disimpan lama kerana cepat rosak, jadi, lebih baik ia

disedekahkan sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Mohd. Dahlan berkata, dia sudah membabitkan diri dalam bidang pertanian sejak lebih lima tahun lalu dan kini dia memilih untuk menanam sayuran jenis buah seperti timun yang tidak mudah rosak serta mempunyai harga yang stabil di pasaran.

Dia yang mengusahakan kebun seluas 1.2 hektar itu menambah, hasil tanaman timun miliknya itu sudah mula mengeluarkan hasil sejak seminggu lalu dan dalam tempoh berkenaan, sebanyak 300 kilogram timun disedekahkan kepada penduduk di sekitar Gemencheh dekat sini.

"Timun ni harga pasaran boleh mencecah RM4 sekilogram, tapi saya tolak kepada pemborong dengan harga RM2 sekilogram. Timun yang hujungnya bengkok tidak diterima pemborong, jadi, timun-timun ini biasanya saya sedekahkan sahaja kepada peniaga sate dan penjual nasi lemak.

"Saya harap, usaha saya ini sedikit sebanyak akan membantu meringankan beban penerima dan usahawan tani yang lain juga dapat beramal serta mampu memasarkan produk mereka melalui sokongan sesama sendiri dan individu dermawan yang turut sama ingin beramal," katanya.

Covid-19: Pesara tentera tabur bakti dalam pertanian

Oleh **MASTURAH SURADI**
utusannews@medianulla.com.my

KOTA TINGGI: Dia tidak lagi menyuruh seragam, apatah lagi menggalas senjata untuk menjaga perbatasan negara, namun, semangat dan bakti seorang pesara tentera ini tetap subur dalam jiwanya dengan pelbagai cara.

Kali ini, bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Mohammad Syahrin Rosmin, 41, tampil menghulurkan bantuan memasarkan hasil pertanian diusahakan petani-petani kecil selepas menyedari kesukasan dialami golongan itu.

Idea tersebut tercetus selepas dia melihat sendiri kesukaran petani kecil di kawasan luar bandar terutama mereka yang berusia tidak dapat menjalankan proses jual beli sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

"Saya merupakan orang Felda Tenggara 2, tetapi menetap di Bandar Penawar, bila balik ke kampung, saya dapati banyak petani kecil-kecilan di luar bandar ini terkesan kerana tidak dapat memasarkan hasil

pertanian akibat pandemik Covid-19.

"Antara yang saya lihat adalah pengusaha kelapa tua. Banyak lambakan kelapa tua yang tidak terjual, tambahan pula yang menjual ialah warga emas, jadi, kerana kesian saya bantu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Mohammad Syahrin berkata, dia akan berulang-alik ke Felda Tenggara 2 mengambil hasil pertanian dan memasarkannya di Bandar Penawar antaranya di Peladang Biz Centre selain membuat kaedah bayar tunai semasa penghantaran (COD) kepada penduduk di sekitar kawasan perumahan.

Mohammad Syahrin yang juga kini Pengurus Projek Pembangunan Pendapatan Peneroka (PPP) dalam ternakan ikan tilapia di Tenggara Agrovill Sdn. Bhd. di felda itu berkata, selain buah kelapa tua, dia turut mengambil benih-benih pokok di rumah peneroka Felda untuk dipasarkan.

Katanya, kebanyakan benih pokok yang diambil melibatkan tanaman seperti pokok herba, pokok-pokok bunga hiasan yang kebiasaannya ra-

jin ditanam oleh masyarakat Felda.

Jelasnya, usaha itu turut dibantu adik-beradik yang membantu mengumpulkan hasil tanaman tersebut di rumah orang tua mereka sebelum diambilnya untuk dijual di kawasan bandar.

"Kita pun tahu penerokawati rajin tanam pokok-pokok herba, pokok bunga di rumah mereka yang ditanam secara suka-suka ibarat seperti petani sambilan. Jadi, apabila saya ambil dan bantu jualkan, secara tidak langsung, dapatlah tambah pendapatan mereka sedikit.

"Usaha ini sedikit sebanyak telah membantu para petani kecil dan petani sambilan untuk menjaga kewangan mereka, seterusnya, kelangsungan hidup dapat diteruskan, tambahan lagi dalam keadaan pandemik sekarang," katanya.

Mohammad Syahrin juga berharap akan ada lebih ramai pihak tampil membantu para petani kecil dan juga petani berusia yang tidak dapat keluar untuk melakukan jualan disamping melaksanakan tugas hakiki masing-masing.



MOHAMMAD Syahrin Rosmin (kiri) menghantar hasil kelapa tua yang diambil daripada petani kecil kepada Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Pengerang, Mohamad Azhar Din yang mengusahakan Peladang Biz Centre di Bandar Penawar, Kota Tinggi di Johor. - UTUSAN/MASTURAH SURADI